

SIARAN MEDIA

5 Julai 2011

CBMR-5-RFI-10-AGCSM-V1

UNTUK SIARAN SEGERA

SEMINAR AGCSM 2011

“MERAPATKAN JURANG: ASPEK PERUNDANGAN DAN TEKNIKAL KES JENAYAH SIBER”

Kerjasama di antara Jabatan Peguam Negara Malaysia dan CyberSecurity Malaysia

(PUTRAJAYA) – Jabatan Peguam Negara Malaysia dengan kerjasama CyberSecurity Malaysia, sebuah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) hari ini menganjurkan seminar AGCSM 2011 dengan tema “Merapatkan Jurang: Aspek Perundangan dan Teknikal Kes Jenayah Siber”. Ini merupakan seminar pertama pernah diadakan di Malaysia bagi membincangkan isu perundangan dan teknikal berkaitan kes-kes jenayah siber.

Seminar berlangsung selama tiga hari, mulai dari 5 hingga 7 Julai 2011 bertempat di De’Seri Endon, Puspanitapuri, Putrajaya. Seminar dirasmikan oleh YB. Datuk Haji Fadillah Haji Yusof, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Seminar yang julung kali diadakan ini merupakan satu platform untuk para profesional perundangan dan teknikal berkumpul dan bertukar maklumat mengenai pengalaman dan kepakaran masing-masing. Oleh kerana isu berkaitan jenayah siber merangkumi aspek perundangan dan teknikal, maka seminar ini diadakan bagi memberi peluang kepada kedua-dua pihak untuk berbincang dan mencari penyelesaian ke atas permasalahan yang berlaku di dalam kes jenayah siber.

Menurut YB. Datuk Haji Fadillah “Jenayah siber adalah lanjutan daripada jenayah tradisional dan kesalahan yang meliputi jenayah siber kini dilihat semakin bertambah. Seminar pada hari ini merupakan satu titik penting dalam usaha kami secara berterusan dan bersepada sebagai sebuah Negara yang berdaulat, untuk memperbaiki rangkakerja perundangan dan teknikal bagi menangani isu dan cabaran masakini, di mana hampir setiap aspek kehidupan kita ketika ini melibatkan penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, atau ICT”.

Objektif seminar adalah untuk memberi pendedahan kepada para peserta bagi memahami dengan lebih mendalam isu-isu perundangan yang timbul hasil daripada penyiasatan dan pendakwaan kes jenayah siber, membincangkan aspek teknikal seperti keterangan dan pengumpulan bukti-buktii digital dan forensik komputer, serta membincangkan mengenai kemungkinan merapatkan jurang di antara aspek perundangan dan teknikal dalam kes jenayah siber.



Securing Our Cyberspace



CyberSecurity Malaysia
(726630-U)



MS ISO/IEC 17025
SIRIM
SAMA NO. 456
(MySIRIM LABORATORY)
T +603 8946 0999
F +603 8946 0888
H +61 300 88 2999

Corporate Office:
Level 8, Block A
Mines Waterfront Business Park
No 3 Jalan Tasik, The Mines Resort City
43300 Seri Kembangan
Selangor Darul Ehsan
Malaysia
www.cybersecurity.my

"Keselamatan siber merupakan komponen yang amat penting dalam keselamatan Negara, keselamatan awam dan privasi. Seminar selama tiga hari ini menyediakan platform bagi pakar perundangan dan para profesional teknikal untuk berbincang dan menerokai kemungkinan serta peluang bagi merapatkan jurang di antara aspek perundangan dan teknikal dalam mengendalikan kes-kes jenayah siber. Proses menyelesaikan jenayah siber harus mempunyai sinergi antara aspek perundangan dan teknikal", kata YBhg. Lt. Kol. Dato' Husin Jazri (Bersara), Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia.

Seminar AGCSM 2011, membariskan penceramah serta pakar dari pelbagai organisasi samada dari dalam maupun luar Negara, antaranya Polis DiRaja Malaysia, Bank Negara Malaysia, Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CMCF), Persatuan Industri Rakaman Malaysia (RIM), Jabatan Kehakiman Filipina, Polis Persekutuan Australia, Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat, FBI, eBay dan beberapa organisasi lain.

Jawatankuasa Penganjur juga telah mengenalpasti pelbagai topik menarik, antaranya "*The Scene of Cyber Crime, Cyber Crime Busters, Tracing Tracks – Hacking the Criminal Mind and The Internet – The Lawless Kingdom*". Para peserta yang terdiri dari penguatkuasa undang-undang, regulatori, pendakwa raya, pembuat dasar, pegawai Teknologi Maklumat, penganalisis, pensyarah, penyelidik serta ahli akademik pasti akan dapat menimba ilmu dari perkongsian maklumat oleh pelbagai penceramah sepanjang seminar berlangsung.

~ Tamat ~

Attorney General's Chambers is a department under the Prime Minister's Department and the main function is to give legal advice and views to the Malaysian Government, to draft all legislations for the Federal Government to provide prosecution instructions to all related law enforcement agencies for criminal cases, to represent the Government in civil cases and to revise and reprint the laws of Malaysia and to undertake law reform in identified areas. For additional information, please visit our website at <http://www.agc.gov.my>. For general inquiry, please email to: pro@agc.gov.my.

CyberSecurity Malaysia is the national specialist centre for cyber security, under the purview of the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI). For additional information, please visit our website at <http://www.cybersecurity.my>. For general inquiry, please email to: info@cybersecurity.my. To report cyber incidents such as harassment, fraud or intrusion to our Cyber999™ Help Centre, you may email to cyber999@cybersecurity.my. Follow us on social networks: [www.facebook.com](http://www.facebook.com/CyberSecurityMalaysia) ("CyberSecurity Malaysia" fan page) and www.twitter.com/cybersecuritymy

The Media Release is jointly issued by Attorney General's Chambers and CyberSecurity Malaysia

For further enquiries about this document, please feel free to call +603-89460999, Mohd Shamil Mohd Yusoff (ext: 0895) or shamil@cybersecurity.my / Sandra Isnaji (ext: 0867) or sandra@cybersecurity.my or contact: +603-88722144, Misyail Othman or misyail@agc.gov.my / + 03-88722142, Hanisa Salehin or hanisa.salehin@agc.gov.my



Securing Our Cyberspace



CyberSecurity Malaysia
(726630-U)



T +603 8946 0999
F +603 8946 0888
H +61 300 88 2999

Corporate Office:
Level 8, Block A
Mines Waterfront Business Park
No 3 Jalan Tasik, The Mines Resort City
43300 Seri Kembangan
Selangor Darul Ehsan
Malaysia
www.cybersecurity.my